

Pembukaan sempadan negara pemangkin pemulihan ekonomi

Oleh Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz - Mac 19, 2022 @ 11:36am
bhrencana@bh.com.my

BERMULA 1 April ini, Malaysia akan membuka semula sempadan antarabangsa yang ditutup sejak Mac 2020 akibat pandemik COVID-19.

Ia satu keputusan amat penting kerana pertama, ini adalah fasa terakhir dalam kelonggaran semua sekatan pergerakan kerajaan memperkenalkan sejak dua tahun lalu dalam usaha membendung penularan COVID-19.

Selama dua tahun lalu, pelbagai jenis kawalan di sempadan dan pergerakan dilaksanakan demi memelihara nyawa dan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Alhamdulillah, selepas 1 April ini, lebih mudah untuk rakyat Malaysia ke luar negara, sesuatu yang tidak dapat dilakukan sejak wabak ini melanda negara.

Pada masa sama, pelancong asing juga akan dapat melawat negara kita dengan lebih bebas. Kemasukan pelancong dan pelawat asing ke negara ini penting kerana ia bukan sahaja akan membantu memulihkan industri pelancongan kita yang teruk terjejas akibat pandemik, tetapi menjadi pendorong utama bagi pemulihan ekonomi negara pasca-COVID-19.

Sebelum COVID-19 melanda, sektor pelancongan adalah satu daripada penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Pada 2019, sektor pelancongan menyumbang 13.3 peratus kepada KDNK negara apabila 26.1 juta pelawat antarabangsa pada tahun itu membelanjakan kira-kira RM86.14 bilion.

Pada masa sama, subsektor berkaitan pelancongan seperti peruncitan, pengangkutan, serta makanan dan minuman, menggaji lebih kurang tiga juta pekerja.

Semua ini menyumbang sebanyak RM240.5 bilion kepada Nilai Ditambah Kasar untuk Industri Pelancongan (NDKIP), bersamaan 15.9 peratus kepada KDNK 2019. Ini menambah pendapatan kerajaan dari segi cukai, yang kemudian dikitar semula ke dalam ekonomi negara melalui projek pembangunan, termasuk pembinaan sekolah, jalan raya dan hospital.

Pembukaan sempadan negeri secara beransur-ansur mulai Oktober 2021 adalah langkah positif untuk industri pelancongan kita. Namun, pembukaan semula sempadan antarabangsa Malaysia pada April 1 amat dinanti-nantikan, kerana ia titik tolak penting bagi memulihkan ekonomi negara.

Bermakna, selepas tarik itu, pelawat antarabangsa kini boleh melawat Malaysia, sama ada untuk berlibur atau bekerja.

Kementerian Kewangan sedar unjuran ketibaan pelancong untuk tahun ini mungkin tidak akan mencapai angka seperti direkodkan pada 2019 iaitu sebanyak 26.1 juta pada masa terdekat.

Malah, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menjangka pelancongan antarabangsa hanya akan kembali ke tahap prapandemik paling awal menjelang 2024.

Selanjutnya, varian Omicron, konflik Russia-Ukraine dan kenaikan mendadak harga komoditi, terutama minyak, menjejaskan prospek pemulihan ekonomi yang pantas.

Namun, pembukaan semula sempadan antarabangsa Malaysia masih satu perkembangan positif bagi ekonomi negara. NDKIP untuk 2022 diunjurkan pada RM206.8 bilion atau 12.6 peratus daripada KDNK.

Ini menyumbang kepada jangkauan pertumbuhan tujuh peratus sektor perkhidmatan di Malaysia. Seterusnya menyumbang kepada unjuran pertumbuhan KDNK 2022 antara 5.5 dan 6.5 peratus.

Dalam membantu industri pulih lebih pantas, kerajaan juga memperluaskan Program Subsidi Upah (PSU) kepada sektor pelancongan tahun ini.

Melalui Bajet 2022, RM600 juta diperuntukkan untuk program ini yang dijangka memanfaatkan 330,000 pekerja dan 26,000 majikan.

Kementerian Kewangan juga melanjutkan sehingga akhir tahun ini, inisiatif pelepasan khas cukai pendapatan individu untuk perbelanjaan pelancongan domestik sehingga RM1,000.

Selain itu, lebih 20,000 pengusaha pelancongan berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya juga mendapat bantuan bernilai RM85 juta selama tiga bulan. Semua ini juga diharap akan terus membantu mencipta sasaran 600,000 pekerjaan, dan terus menurunkan kadar

pengangguran ke tahap kurang dari empat peratus menjelang akhir 2022.

Pertumbuhan tahun ini juga akan turut didorong perkembangan perdagangan luar negara yang terus memberangsangkan.

Jika 2021 negara merekodkan jumlah perdagangan luar melebihi RM2.2 trilion, tahun ini pertumbuhan dilihat pada kadar hampir 25 peratus pada Januari lalu dan 17.5 peratus bagi Februari.

Namun, apa yang lebih penting ialah bagaimana institusi kewangan akan menyokong industri ini selepas dibadai pandemik COVID-19 sejak dua tahun lalu.

Langkah seperti pemberian kemudahan khas RM600 juta di bawah Pembiayaan Pelancongan PENJANA dan Skim Pemulihan Bank Pemulihan Malaysia Berhad (BPMB) pasti akan membantu.

Terdapat pelbagai langkah pembiayaan lain di bawah inisiatif SemarakNiaga bernilai RM40 bilion disusun khusus untuk membantu perniagaan pulih dengan kadar segera dan berkembang.

Bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro, terdapat juga beberapa skim pembiayaan pada kadar sifar peratus, ditambah pula dengan moratorium sehingga 12 bulan.

Sokongan institusi kewangan adalah kunci untuk mencergaskan semula sektor ini dan membantu meraih semula kedudukan sebagai salah satu penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia.

Bagi perniagaan terjejas teruk dalam dua tahun kebelakangan ini, pembiayaan ekuiti dan separa ekuiti ialah pilihan yang boleh mereka pertimbangkan untuk membantu mereka bangkit semula.

Harapan besar saya ialah institusi kewangan akan terus melakukan terbaik untuk memudahkan akses kepada pembiayaan bagi industri ini.

Industri pelancongan yang semakin berkembang akan memberi kesan positif kepada banyak industri sokongan lain dan mencerminkan semangat kerjasama Keluarga Malaysia, bukan sahaja untuk bertahan, tetapi untuk sama-sama berkembang maju.

Penulis adalah Menteri Kewangan